



UNIT INTEGRITI  
JABATAN PERTANIAN MALAYSIA  
(Department of Agriculture)  
WISMA TANI  
ARAS 14, NO. 30 PERSIARAN PERDANA  
PRESINT 4, 62624 PUTRAJAYA



Tel: 603-8870 3023  
Faks: 603-8870 3220  
Laman Web: [www.doa.gov.my](http://www.doa.gov.my)  
E-mail: [integriti@doa.gov.my](mailto:integriti@doa.gov.my)

Ruj. Kami : JP.KPP.UI 500-4/13/2 (5)  
Tarikh : 15 Februari 2022

## SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

### PELAKSANAAN IKRAR BEBAS RASUAH (IBR) UNTUK DITANDATANGANI OLEH PEGAWAI AWAM DI JABATAN PERTANIAN MALAYSIA

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Ikrar Bebas Rasuah (IBR) merupakan satu inisiatif yang telah diperkenalkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bertujuan memberi penekanan kepada ikrar dan janji yang dibuat oleh para kepimpinan organisasi dan warganya secara sukarela atas kapasiti sebagai individu untuk memastikan setiap individu yang menandatangani ikrar tersebut akan lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas mereka dan menjauhkan diri daripada sebarang perlakuan rasuah selama mereka memegang jawatan tersebut.

3. Keterbukaan dan sifat kebertanggungjawaban yang dipamerkan oleh para kepimpinan dan warganya dalam menandatangani Ikrar Bebas Rasuah ini juga, turut membuktikan bahawa usaha membanteras dan memerangi rasuah bukanlah tanggungjawab eksklusif SPRM semata-mata, tetapi sebaliknya ianya merupakan amanah dan tugas yang perlu dikongsi oleh seluruh ahli masyarakat, khususnya di kalangan warga yang berkhidmat di agensi-agensi kerajaan, bagi memastikan negara ini bebas daripada sebarang gejala rasuah dan salah guna kuasa.

.../2



Ruj. Kami : JP.KPP.UI 500-4/13/2 (5)  
Tarikh : 15 Februari 2022

4. Sehubungan dengan itu, semua warga Jabatan Pertanian dalam perkhidmatan tetap, sementara atau kontrak dikehendaki menandatangani dokumen IBR. IBR hendaklah ditandatangani dalam **dua (2) salinan** dan disaksikan oleh Ketua Jabatan/Pejabat masing-masing. Dokumen IBR yang telah ditandatangani hendaklah disimpan satu (1) salinan di dalam fail peribadi pegawai berkenaan dan satu (1) salinan lagi dihantar ke Unit Integriti, Jabatan Pertanian, Putrajaya **sebelum atau selewat-lewatnya pada 29 Februari 2022**.

5. Bersama-sama ini disertakan borang Ikrar Bebas Rasuah Jabatan Pertanian Malaysia untuk tindakan YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan selanjutnya. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut mengenai perkara ini, pihak YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan boleh menghubungi Puan Dalila Binti Bahrin di talian 03-88703023/ 012-2945349 atau Encik Mohd Azhrulnoor Bin Ab Manaf di talian 03-88703167/ 014-2244897. Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan terhadap perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(MAZNAH BINTI CHE MUDA)**

Ketua Unit Integriti

b.p Ketua Pengarah Pertanian

Jabatan Pertanian

**PUTRAJAYA**

s.k. Ketua Pengarah Pertanian

Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pembangunan Industri dan Pengembangan)

Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pengurusan dan Regulatori)

## SENARAI EDARAN

1. Pengarah  
Bahagian Pengembangan Pertanian
2. Pengarah  
Bahagian Perancangan Strategik
3. Pengarah  
Bahagian Pembangunan Industri Tanaman
4. Pengarah  
Bahagian Pengurusan Sumber Tanah
5. Pengarah  
Bahagian Biosekuriti Tumbuhan
6. Pengarah  
Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman
7. Pengarah  
Bahagian Kawalan Racun Perosak dan Baja
8. Pengarah  
Bahagian Kejuruteraan Pertanian
9. Pengarah  
Bahagian Pertanian Bandar
10. Pengarah  
Bahagian Khidmat Pengurusan
11. Pengarah  
Bahagian Perkhidmatan Makmal
12. Pengarah  
Bahagian Pembangunan Modal Insan
13. Ketua Unit  
Unit Integriti
14. Ketua Unit  
Unit Undang-Undang
15. Ketua Unit  
Unit Komunikasi Korporat
16. Pejabat Ketua Pengarah Pertanian



## IKRAR BEBAS RASUAH JABATAN PERTANIAN MALAYSIA

Bahawa saya, No. Kad Pengenalan: adalah  
dengan sesungguhnya dan suci hati berikrar sepanjang perkhidmatan saya dengan  
**Jabatan Pertanian Malaysia:**

- i. Saya akan mematuhi sepenuhnya undang-undang, peraturan, prosedur serta dasar-dasar negara yang berkaitan dengan pencegahan jenayah rasuah dan salah guna kuasa;
- ii. Saya akan membenci dan menolak sebarang bentuk jenayah rasuah dan salah guna kuasa, serta memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dalam mencegah sebarang perlakuan jenayah rasuah dan salah guna kuasa;
- iii. Saya tidak akan melibatkan diri dalam sebarang bentuk jenayah rasuah dan salah guna kuasa, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dengan mana-mana pihak yang berurusan dengan **Jabatan Pertanian Malaysia:**
- iv. Saya akan memastikan kakitangan di bawah seliaan saya tidak akan melibatkan diri dalam sebarang bentuk jenayah rasuah dan salah guna kuasa dalam apa-apa jua urusan berkaitan dengan **Jabatan Pertanian Malaysia;** dan
- v. Saya akan melaporkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, dengan seberapa segera, sebarang bentuk perlakuan jenayah rasuah dan salah guna kuasa yang melibatkan saya atau kakitangan di bawah seliaan saya.

Tandatangan : .....  
 Nama : .....  
 No. Kad Pengenalan : .....  
 Jawatan : .....  
 Tarikh : .....

**Disaksikan Oleh :**

Tandatangan : .....  
 Nama : .....  
 No. Kad Pengenalan : .....  
 Jawatan : .....  
 Tarikh : .....